

## Pemeriksaan Komuniti sebagai Elemen Kepemimpinan Orang Semai dalam Novel *Ludaad*

*Community Empowerment as an Element of Orang Semai Leadership in the Ludaad Novel*

Saravanan P. Veeramuthu  
(Universiti Sains Malaysia)  
[saravanan@usm.my](mailto:saravanan@usm.my)

Aqhari Isa  
(Universiti Sains Malaysia)  
[aqhari94@gmail.com](mailto:aqhari94@gmail.com)

Mohamad Luthfi Abdul Rahman  
(Universiti Sains Malaysia)  
[luthfi@usm.my](mailto:luthfi@usm.my)

Malini Ganapathy  
(Universiti Sains Malaysia)  
[malinik@usm.my](mailto:malinik@usm.my)

Nordiana Hamzah  
(Universiti Pendidikan Sultan Idris)  
[diana.azmi@fbk.upsi.edu.my](mailto:diana.azmi@fbk.upsi.edu.my)

Manonmani Devi M.A.R Annamalai  
(Universiti Pendidikan Sultan Idris)  
[manonmanidevi@fbk.upsi.edu.my](mailto:manonmanidevi@fbk.upsi.edu.my)

**Published:** 09 Jun 2023

**To cite this article (APA):** P. Veeramuthu, S., Isa, A., Abdul Rahman, M. L., Ganapathy, M., Hamzah, N., & M.A.R Annamalai, M. D. (2023). Pemeriksaan Komuniti sebagai Elemen Kepemimpinan Orang Semai dalam Novel *Ludaad*: Community Empowerment as an Element of Orang Semai Leadership in the *Ludaad* Novel. *PENDETA*, 14(1), 52–64. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.5.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.5.2023>

### ABSTRAK

Artikel ini cuba meninjau elemen kepemimpinan Orang Semai dengan memberi tumpuan kepada pemeraksanaan komuniti. Kajian ini akan mengkaji bagaimana elemen kepimpinan dalam masyarakat Semai tercermin dalam karya sastera iaitu novel *Ludaad*. Watak Penghulu Busu serta pemimpin-pemimpin lain akan dilihat sebagai ketua yang memimpin masyarakat Semai dalam latar novel ini. Masyarakat Semai memiliki nilai-nilai unik seperti kolektivisme dan penglibatan komuniti yang menekankan pentingnya hubungan harmoni dan saling membantu dalam kehidupan. Mereka menekankan tanggungjawab bersama dan mencapai konsensus untuk memastikan keputusan yang diambil mempertimbangkan kepentingan bersama. Penelitian ini mendapati bahawa pemeraksanaan komuniti merupakan elemen penting dalam model kepemimpinan bagi masyarakat Semai Orang Asli. Model kepemimpinan mereka mencerminkan pemahaman ini dengan memberikan keutamaan kepada penggunaan tanah yang lestari dan pemuliharaan sumber daya alam.

**Kata Kunci:** pemeraksanaan komuniti; kepemimpinan; orang Semai; novel *Ludaad*; model

## **ABSTRACT**

*This article aims to examine the elements of leadership among the Semai people, with a focus on community empowerment. The study will explore how leadership elements within the Semai society are reflected in the literary work of the novel Ludaad. The character of Penghulu Busu and other leaders will be examined as the heads who lead the Semai community in the backdrop of this novel. The Semai community holds unique values such as collectivism and community involvement, emphasizing the importance of harmonious relationships and mutual assistance in life. They emphasize shared responsibility and consensus-building to ensure that decisions taken consider the collective interests. This research finds that community empowerment is a crucial element in the leadership model of the Semai Orang Asli community. Their leadership model reflects this understanding by prioritizing sustainable land use and the conservation of natural resources.*

**Keywords:** *community empowerment; leadership; novel Ludaad; model; Semai people.*

## **PENGENALAN**

Gaya kepimpinan dan amalan dalam kalangan komuniti peribumi telah menjadi topik penyelidikan untuk para sarjana dalam pelbagai bidang. Topik tentang Orang Semai Malaysia telah dikaji secara meluas terutamanya yang berkaitan dengan amalan dan kepercayaan budaya mereka yang unik. Walau bagaimanapun, kajian tentang model kepimpinan mereka tidak banyak dilihat atau dikaji. Kepimpinan dalam masyarakat Orang Semai sering diwakili oleh individu yang mempunyai keupayaan untuk memimpin dan menyelesaikan konflik dengan cara yang memupuk keharmonian. Namun, kepimpinan dalam kalangan Orang Semai tidak hanya tertumpu kepada individu tertentu yang memegang jawatan tertentu tetapi juga melibatkan keseluruhan komuniti dan orang ramai.

Selain itu, dalam komuniti Orang Semai, konsep “kerjasama” sangat penting dan digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka termasuk dalam kepimpinan. Pemimpin diharapkan untuk memimpin dengan mengambil kira kepentingan keseluruhan komuniti mereka dan tidak hanya mengutamakan kepentingan individu atau kelompok tertentu (Miklikowska & Fry, 2010). Oleh itu, dalam masyarakat Orang Semai, kepimpinan bukanlah satu-satunya tanggungjawab seorang individu, tetapi melibatkan keseluruhan komuniti dan bersifat tanggungjawab kolektif (Gomes, 1988). Pemimpin dalam masyarakat Semai dianggap sebagai perantara yang memimpin komuniti dengan menjunjung nilai-nilai kebudayaan dan kearifan tempatan. Menurut Dentan (2001) konsep kerjasama juga sangat ditekankan dan diharapkan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka, termasuklah dalam aspek kepimpinan.

Sastera adalah ilmu interdisipliner, yakni ilmu yang tidak berdiri sendiri. Sastera menjadi lebih bermakna apabila bergabung dengan disiplin ilmu seperti teori antropologi, filologi, psikologi, linguistik, sejarah dan sebagainya (Santosa, 2015). Kepimpinan seseorang pemimpin bukan hanya wujud secara realiti, namun turut tergambar dan terungkap dalam karya kreatif yang berfungsi sebagai cerminan masyarakat sejak zaman tradisi. Azman Ismail (2010: 15) menyifatkan bahawa sesebuah karya kreatif tanpa mengira genre mempunyai hubungan yang erat dengan persoalan moral, intelektual, keagamaan, etika, suara kemanusiaan, keluhuran dan kedamaian selain mampu membangkitkan nilai yang bersesuaian dengan fitrah manusia yang dahagakan keindahan, kedamaian, keharmonian dan mengungkapkan cara sesebuah masyarakat berfikir. Pandangan ini, merepresentasikan bahawa karya kreatif sarat dengan pelbagai muatan yang mampu membina minda dan cara berfikir masyarakat jika dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya (Maniyamin, 2009). Menurut Che Abdullah Che Ya (2015) sesebuah karya sastera tidak lahir dalam ruang yang kosong. Malahan apa yang dizahirkan sebagai sebuah hasil karya itu sebenarnya bertolak daripada peristiwa yang berlaku dalam masyarakat termasuklah isu sosiobudaya, ekonomi dan politik. Siti Fatiemah Sa’at dan Jama’ah Zakaria (2013) pula berpendapat bahawa penulisan tentang masyarakat Orang Asli sebenarnya mencerminkan manifestasi kehidupan, pandangan hidup serta lambang jati diri masyarakat tersebut.

Salah satu masalah yang dihadapi ialah kekurangan maklumat struktur tentang masyarakat Semai yang hanya terdapat dalam tradisi lisan dan dipaparkan dari perspektif pihak luar atau yang disebut “the other” (Nicholas, 2000), bukannya daripada masyarakat Semai itu sendiri. Hal ini menyukarkan para penyelidik untuk memahami dengan tepat bagaimana struktur sosial dan kebudayaan masyarakat Semai sebenarnya dan mungkin menyebabkan kekeliruan dalam tafsiran data yang

diperoleh. Oleh itu, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan dengan mengambil kira perspektif dan suara masyarakat Semai sendiri untuk memperbaiki ketidakseimbangan dalam pemahaman dan pengetahuan mengenai kebudayaan mereka.

Kini, masyarakat Orang Asli telah berjaya memperkasa kekuatan diri mereka untuk menulis mengenai diri mereka sendiri. Salah seorangnya ialah Mahat a/l China dari suku kaum Semai itu sendiri. Memandangkan Che Abdullah Che Ya (2015) mengatakan bahawa pengarang novel sering kali menggunakan karya sastera untuk melahirkan pandangan, ideologi, wawasan dan harapan mereka maka kajian ini bertujuan untuk meninjau naratif Mahat adalah contoh yang menonjolkan suara-suara masyarakat Orang Asli dari kawasan pedalaman yang selama ini kurang diberi perhatian (Badrul Redzuan, 2005). Bahkan, menurut Azhar Hj Wahid (2016) Mahat ialah seorang penulis yang berjiwa masyarakat dan sangat simpati terhadap penderitaan yang dialami oleh kaum peribumi.

Kajian ini bertujuan untuk menilai unsur-unsur kepimpinan dalam masyarakat Semai dengan menggunakan karya sastera sebagai sumber maklumat. Keperluan untuk menggunakan teks sastera adalah kerana maklumat tentang struktur masyarakat Semai kebanyakannya terdapat dalam tradisi lisan sahaja dan sering dilaporkan melalui perspektif “the others” atau pihak luar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi kekosongan maklumat tentang elemen kepimpinan dalam masyarakat Semai dengan menganalisis karya sastera sebagai sumber utama.

## OBJEKTIF KAJIAN

Secara ringkasnya, kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan ciri-ciri kepemimpinan orang Semai seperti yang terdapat dalam novel *Ludaad*. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meninjau sejauh mana kepemimpinan Penghulu Busu dalam novel *Ludaad* ini menepati Model Pemimpin Orang Semai yang telah dicipta.

## ORANG SEMAI DAN KEPIMPINAN

Semai adalah salah satu kumpulan Orang Asli, satu istilah yang merujuk kepada penduduk asli Semenanjung Malaysia. Semai, yang berjumlah kira-kira 30,000 orang, tinggal di pemukiman yang terasing dan autonomi politik dengan kurang dari seratus orang setiap satu (Dentan, 2008; Robarchek, 1977, 1979). Sumber utama ekonomi Orang Semai sangat bergantung kepada pertanian padi dan ubi kayu serta berburu, memancing, dan mengumpul atau meramu produk sayuran dari hutan (Robarchek, 1977). Ciri menarik masyarakat Semai ialah walaupun ahli-ahlinya jarang sekali memiliki kecenderungan untuk bertindak secara kekerasan atau tindakan ganas. Dentan (1968) menyifatkan masyarakat Semai merupakan kelompok masyarakat yang memiliki budaya paling tidak ganas di dunia. Hal ini bersangkut paut dengan nilai dan kepercayaan Semai yang unik.

Mengulas tentang nilai yang menjadi paksi utama dalam kehidupan masyarakat Semai Robarchek, (1979, 1980) menjelaskan hal ini adalah nilai kolektif (hubungan interpersonal harmoni dalam kumpulan, bersetuju, tidak bergaduh, tidak marah, tidak menyebabkan masalah) dan penglibatan komuniti (memberikan sokongan emosi dan material kepada orang lain, membantu, memelihara dan memberi makan). Nilai ini mencerminkan pandangan Semai tentang diri mereka sebagai makhluk yang tidak berdaya yang tinggal di dunia yang penuh dengan bahaya misalnya, (roh jahat atau, pada masa lalu, pemandu hamba) yang terletak di luar kawalan mereka (Robarchek, 1994). Oleh kerana kemungkinan-kemungkinan yang jahat seperti itu, ideologi membantu dan menjaga rakan dan jiran Semai menjadi elemen yang sangat penting, sementara di sisi lain, konflik dilihat sebagai sangat mengancam kerana bertentangan dengan nilai kolektif dan penglibatan komuniti. Oleh itu, amalan berkongsi, memelihara harmoni, dan menghindari keganasan adalah imperatif moral bagi Semai dan hal ini telah meresap ke dalam kehidupan seharian (Robarchek, 1980).

Kepimpinan memainkan peranan penting dalam masyarakat Orang Asli, di mana ia dipandang sebagai pangkat atau mekanisme penting untuk mempromosikan kohesi sosial dan menjaga tradisi budaya. Nicholas (1989) berpendapat bahawa pemimpin adalah penting untuk menyatakan dan mengambil tindakan, serta menyampaikan semangat komuniti kepada bawahan di peringkat akar umbi.

Edo et.al. (2009) memberikan analisis terperinci tentang kepemimpinan dalam masyarakat Semai, yang terbahagi kepada pelbagai peringkat dengan gelaran dan fungsi yang unik. Sebagai contoh, kedudukan Tok Raja dan Tok Menteri dipilih oleh ketua suku, manakala Tok Batin, Jurukerah, dan Tandil dipilih berdasarkan budi bicara penduduk tempatan. Pemimpin ini diharapkan mempunyai pengetahuan tentang adat dan tradisi masyarakat, dan mereka memainkan peranan penting dalam menjaga harmoni sosial dan menyelesaikan pertikaian (Shamsul A.B., 2001). Oleh itu, kedudukan kepimpinan sangat dihormati dan dianggap penting untuk kesejahteraan komuniti.

Kajian ini akan mengkaji bagaimana elemen kepemimpinan dalam masyarakat Semai tercermin dalam novel *Ludaad*. Sebagai salah satu kumpulan Orang Asli, masyarakat Semai memiliki nilai-nilai yang unik, seperti nilai kolektif dan penglibatan komuniti yang menekankan pentingnya hubungan harmoni dan saling membantu dalam kehidupan sehari-hari. Hal ini tercermin dalam kehidupan masyarakat Semai yang cenderung tidak menggunakan tindakan kekerasan atau tindakan ganas dalam menyelesaikan konflik. Dalam novel *Ludaad*, penulisnya menggambarkan nilai-nilai kolektif dalam kepemimpinan masyarakat Semai. Kajian ini akan meneliti bagaimana watak-watak dalam novel menerapkan nilai-nilai ini dalam interaksi mereka dengan satu sama lain dan bagaimana nilai-nilai ini mempengaruhi cara mereka memimpin dan memutuskan masalah dalam masyarakat mereka. Diharapkan dengan adanya kajian ini, dapat memberikan pemahaman yang lebih baik tentang masyarakat Semai dan nilai-nilai yang mereka anut, serta bagaimana nilai-nilai ini tercermin dalam kepemimpinan mereka.

## **KERANGKA KAJIAN**

Orang Asli Semai merupakan kumpulan peribumi di Malaysia yang memiliki sistem kepemimpinan tradisional yang berdasarkan kepada sifat saling menghargai dan konsensus, yang berbeza dengan sistem kekuasaan individual yang banyak dianut dalam masyarakat moden Mustapha (2013). Mustafa turut menegaskan bahawa sistem kepemimpinan Orang Semai ini mengutamakan pengambilan keputusan yang lebih adil dan lebih inklusif. Kajian Chua et. al. (2021) pula menambah bahawa Orang Asli Semai memiliki hubungan yang kuat dengan leluhur mereka dan lingkungan mereka. Model kepemimpinan mereka didasarkan kepada gagasan “tanggungjawab bersama” di mana setiap anggota masyarakat memiliki peranan dalam pengambilan keputusan. Sistem ini memastikan bahawa keputusan yang diambil dengan mengambil kira pertimbangan kepentingan umum, dan bukannya kepentingan individu atau kelompok tertentu sahaja.

Hubungan Orang Asli Semai dengan tanah leluhur mereka dan lingkungan adalah aspek penting dari identiti budaya dan cara hidup mereka. Mereka memiliki pemahaman yang mendalam tentang keterkaitan semua makhluk hidup dan lingkungannya, dan model kepemimpinan tradisional mereka mencerminkan pemahaman ini. Gomes (2012) juga menegaskan bahawa komuniti Orang Asli Semai memiliki perspektif holistik terhadap dunia, di mana segala sesuatu saling terkait dan saling bergantung. Pandangan mereka terhadap lingkungan mempengaruhi model kepemimpinan mereka, yang berpusat pada prinsip “tanggungjawab bersama”. Prinsip tanggungjawab bersama bererti bahawa setiap anggota masyarakat memiliki peranan dalam pengambilan keputusan, dan keputusan tersebut harus diambil dengan mempertimbangkan kepentingan umum. Hal ini memastikan bahawa keperluan seluruh masyarakat diambil kira, bukan hanya kepentingan individu atau kelompok tertentu sahaja.

Selain tanggungjawab bersama, Orang Asli Semai juga mengamalkan pendirian konsensus dalam proses membuat keputusan mereka. Menurut Norouzi et. al., (2020) mencerminkan konsensus adalah aspek penting dalam model kepemimpinan mereka, dan pemimpin harus memastikan bahawa pendapat dan perspektif semua orang didengar dan dipertimbangkan sebelum sesuatu keputusan diambil. Tindakan mewujudkan konsensus memerlukan masa, tetapi menghasilkan keputusan yang lebih inklusif dan memiliki impak yang jelas dalam jangka panjang. Hal ini kerana keputusan yang diambil melalui konsensus lebih mungkin memiliki sokongan seluruh masyarakatnya dan lebih berjaya dilaksanakan.

Secara keseluruhan, model kepemimpinan Orang Asli Semai adalah unik dan berkesan kerana berdasarkan hubungan mereka yang mendalam dengan alam sekitar dan pandangan dunia holistik mereka. Penekanan mereka pada “tanggungjawab bersama” dan pembinaan konsensus memastikan

keputusan dibuat dengan memikirkan kepentingan bersama dan keperluan seluruh komuniti diambil kira. Pandangan dunia ini membentuk model kepimpinan tradisional mereka, yang berdasarkan prinsip “tanggungjawab bersama”. Model seperti ini memastikan setiap ahli komuniti mempunyai peranan dalam membuat keputusan, termasuk keputusan yang berkaitan dengan penjagaan alam sekitar dan penggunaan sumber yang mampan. Untuk kajian ini, model pemeraksanaan komuniti dalam kepimpinan Orang Asli Semai akan dibincangkan. Model ini dibina berdasarkan nilai dan amalan sedia ada dalam masyarakat Semai serta penyesuaian mengikut keperluan yang berubah dalam komuniti.

## PEMERKASAAN KOMUNITI

Komuniti Orang Asli Semai memiliki sejarah yang panjang dalam tradisi membuat keputusan kolektif dan tanggungjawab bersama (Howell, 1984; Fox, 2011; Nicholas 2000; Endicott & Dentan, 2004). Dapatan kajian merumuskan bahawa dalam struktur sosial masyarakat Orang Asli Semai, tradisi pengambilan keputusan kolektif dan tanggungjawab bersama telah dibudayakan dalam tradisi mereka selama beberapa generasi dan masih diamalkan hingga ke saat ini. Beberapa sarjana telah mengusulkan bahawa model kepemimpinan baharu dapat memperkuat lagi tradisi ini dengan mendorong keterlibatan yang lebih besar dalam pengambilan keputusan dan mendukung penciptaan projek dan inisiatif yang dipimpin oleh masyarakat (Mustapha, 2013; Nicholas 2000). Pendekatan seperti ini akan memungkinkan anggota masyarakat mempromosikan sistem sosial yang lebih demokratik dan adil (Endicott & Dentan, 2004).

Model kepemimpinan yang ini dapat lebih mendorong komuniti melibatkan diri secara aktif dalam proses pengambilan keputusan dan mempromosikan perkembangan projek dan inisiatif yang dimiliki oleh masyarakat. Model kepemimpinan ini mengutamakan pengelolaan lingkungan dan penggunaan sumber daya yang berlarutan dengan membangun nilai dan praktik yang ada dalam komuniti Orang Asli Semai. (Mustapha, 2013; Fox, 2011). Misalnya, Orang Asli Semai secara tradisional telah melakukan pertanian ladang bergilir, yakni suatu bentuk pertanian yang memungkinkan regenerasi hutan dan mengurangkan degradasi tanah (Endicott & Dentan, 2004). Amalan seperti ini dapat diintegrasikan ke dalam model kepemimpinan yang mengutamakan penggunaan tanah yang berterusan dan konservasi sumber daya alam (Howell, 1984).

Selain itu, pendekatan berasaskan masyarakat dalam pengambilan keputusan dan pemerintahan dapat mempromosikan pengagihan sumber daya yang lebih adil dan memastikan bahawa masalah lingkungan diambil kira dalam proses pengambilan keputusan (Nicholas 2000). Misalnya, kajian McKemey et. al., (2020) tentang pengetahuan ekologi tradisional dalam komuniti orang asal di Amerika Utara dan Australia menekankan kepentingan kepimpinan peribumi dalam mempromosikan amalan penggunaan tanah lestari dan pengurusan sumber semula jadi yang mampan. Begitu dengan kajian oleh Wang & Szu-Yung (2019) mengenai kepimpinan peribumi dan pengurusan hutan di Taiwan menekankan keperluan untuk proses membuat keputusan yang inklusif dan penglibatan bersama untuk memastikan kelestarian sumber hutan.

Diansyah, et al. (2022) juga mengesyorkan model kepimpinan untuk komuniti Orang Asli Semai yang memberi keutamaan kepada tanggungjawab pemimpin terhadap alam sekitar dan penggunaan sumber mampan dapat meningkatkan kelestarian alam sekitar jangka panjang dan kehidupan komuniti. Sisi ini mendorong penyertaan komuniti yang lebih besar dan mempromosikan pengetahuan tradisional dan amalan yang menyokong penggunaan tanah lestari dan pemuliharaan (Endicott & Dentan, 2004). Dengan mengintegrasikan nilai dan amalan ini ke dalam model kepimpinan, Orang Asli Semai dapat memastikan pemuliharaan sumber semula jadi mereka dan mempertahankan identiti budaya dan cara hidup mereka untuk generasi akan datang. Elemen ini menunjukkan bahawa model kepimpinan untuk komuniti Orang Asli Semai yang memberi keutamaan kepada tanggungjawab alam sekitar dan penggunaan sumber mampan dapat membantu mempromosikan kelestarian alam sekitar jangka panjang dan kehidupan komuniti.


Ringkasnya, model kepimpinan untuk komuniti Orang Asli Semai dapat memberi keutamaan kepada tanggungjawab terhadap alam sekitar dan penggunaan sumber mampan, dengan mengambil kira nilai dan amalan mereka yang sedia ada. Hal ini tidak hanya dapat mempromosikan penggunaan sumber semula jadi yang mampan, tetapi juga membantu mengatasi cabaran alam sekitar yang dihadapi oleh

komuniti tersebut. Tinjauan tentang kepimpinan peribumi dari luar negara juga memberikan wawasan yang hampir sama dengan ini yakni tentang kepentingan kepimpinan peribumi dalam mempromosikan amalan penggunaan tanah lestari dan pengurusan sumber semula jadi yang mampan.

Konsep pemeriksaan komuniti telah menjadi tema yang berulang dalam literatur tentang kepimpinan peribumi dan komuniti Orang Asli Semai menyediakan ruang kajian kes yang menarik dalam hal ini. Menurut Chua et, al. (2021) Orang Asli Semai mempunyai tradisi membuat keputusan kolektif dan tanggungjawab bersama yang telah membentuk gaya kepimpinan tradisional mereka. Gaya kepimpinan ini berdasarkan prinsip pembinaan konsensus dan kerjasama, bukannya kuasa dan autoriti individu. Model pemeriksaan komuniti ini berdasarkan pada idea bahawa setiap ahli dalam komuniti mempunyai peranan untuk dimainkan dalam membuat keputusan, memastikan bahawa keputusan yang dibuat memperlihatkan kepentingan bersama, bukan hanya keuntungan individu atau kumpulan tertentu. Ini pula dapat membantu mengekalkan identiti budaya dan cara hidup mereka bagi generasi akan datang, sambil memastikan kelestarian sumber semula jadi mereka dalam jangka masa panjang.

Model kepimpinan untuk komuniti Orang Asli Semai juga boleh lebih memperkasakan komuniti dengan mendorong penyertaan aktif dalam proses membuat keputusan dan mempromosikan pembangunan projek dan inisiatif yang dimiliki oleh komuniti. Keadah ini tidak hanya akan memastikan keperluan dan keutamaan komuniti dipenuhi, tetapi juga mempromosikan rasa kepunyaan dan kebanggaan dalam inisiatif yang dipimpin oleh komuniti. Seperti yang ditegaskan oleh Fui et. al., (2012) pendekatan seperti ini dapat membantu menangani cabaran yang dihadapi oleh komuniti Orang Asli Semai, termasuk pengasingan dan kekurangan akses kepada sumber.

Secara kesimpulannya, pemeriksaan komuniti adalah elemen penting dalam model kepimpinan untuk komuniti Orang Asli Semai, dengan membangunkan nilai dan amalan sedia ada mereka di samping menyesuaikan dengan keperluan perubahan komuniti. Usaha ini tidak hanya akan mempromosikan rasa kepunyaan dan kebanggaan dalam inisiatif yang dipimpin oleh komuniti, tetapi juga membantu menangani cabaran yang dihadapi oleh komuniti. Berikut ialah rumusan model Pemeriksaan Komuniti Orang Semai yang digunakan dalam kajian ini. Model ini memiliki dua aspek yakni elemen kolektif dan tanggungjawab bersama serta elemen keterlibatan setiap anggota masyarakat. Dalam elemen kolektif dan tanggungjawab terdapat empat ciri iaitu; projek atau insiatif, pengurusan sumber, pemuliharaan tanah dan aktiviti pertanian. Manakala dalam elemen keterlibatan setiap anggota masyarakat pula terdapat empat lagi ciri yakni adil kepada semua, penglibatan semua, identiti dan kebanggaan dan rasa sepunya. Konsep ini telah diringkaskan seperti berikut dalam rajah di bawah:



Rajah 1. Menunjukkan Model Pemeriksaan Orang Semai

## PERBINCANGAN

Dalam teks *Ludaad* ini, Mahat a/l China menyentuh tentang kepimpinan dalam komuniti Semai dipandang sebagai tanggungjawab kolektif dan bukan hanya bergantung kepada seorang pemimpin sahaja. Pemimpin dalam masyarakat Semai dianggap sebagai perantara yakni orang tengah yang berkomunikasi dan yang memimpin komuniti dengan menjunjung nilai-nilai kebudayaan dan kearifan tempatan. Oleh itu, terdapat beberapa nilai yang akan dibincangkan dalam novel *Ludaad* ini. Perbincangan ini akan melihat cara pemimpin berkomunikasi dalam kepimpinannya melalui dua nilai iaitu kolektif atau tanggungjawab bersama dan keterlibatan komuniti.

## NILAI KOLEKTIF

Dalam masyarakat Semai, keputusan penting tidak hanya diambil oleh seorang pemimpin saja, melainkan melalui proses musyawarah dan muafakat antara semua anggota komuniti. Pemimpin bertindak sebagai mediator dalam proses ini, dan diharapkan untuk mempertimbangkan semua pendapat dan kemasukan dari seluruh anggota komuniti sebelum memutuskan tindakan atau keputusan yang akan diambil. Kepemimpinan dalam masyarakat Semai juga dianggap sebagai tanggungjawab sosial, di mana pemimpin diharapkan untuk memastikan kesejahteraan dan kebahagiaan semua anggota komuniti. Oleh kerana itu, pemimpin harus memiliki sifat-sifat seperti kejujuran, kesabaran, kebijaksanaan, dan keteladanan, yang dapat membantu menjaga harmoni dan kebersamaan dalam komuniti. Dalam konteks masyarakat Semai, kepemimpinan bukanlah tentang memegang kekuasaan atau autoriti, melainkan tentang memenuhi tanggungjawab kolektif dan menjaga keseimbangan antara keperluan individu dan kepentingan komuniti secara keseluruhan.

Nilai kolektif yang terdapat dalam masyarakat Semai ialah hubungan interpersonal harmoni dalam kumpulan, bersetuju, tidak bergaduh, tidak marah dan tidak menyebabkan masalah berlaku dalam kalangan puak. Pada asalnya, nilai ini ialah nilai yang telah menjadi darah daging orang Semai sejak sekian lama atau dalam erti kata yang lain nilai semula jadi yang telah mereka amalkan sejak turun-temurun. Oleh itu, bagi menganalisis aspek kepimpinan dalam novel *Ludaad*, nilai kolektif ini akan dirungkaikan melalui kehidupan masyarakat Semai yang digambarkan oleh pengarang dan bagaimana watak Penghulu Busu mengamalkan nilai kolektif dalam kepimpinannya.

Dalam novel *Ludaad*, pengarang memaparkan suku kaum Semai merupakan kelompok masyarakat yang mengekalkan imej sejati dalam kehidupan mereka. Dengan kata lain, imej ini ialah imej yang menimbulkan perasaan cinta pada kesempurnaan hidup yakni mendambakan hidup yang aman dan damai. Sebagai contoh, hubungan interpersonal yang harmoni dalam kalangan masyarakat Semai dapat dilihat sewaktu penduduk Kampung *Bareeh Ciig* tidak pernah bergaduh sesama sendiri. Amalan ini merupakan satu inisiatif yang menjadikan budaya hidup mereka sentiasa hidup dalam keadaan yang harmoni seperti yang dirumuskan dalam model pemerksaan orang Semai. Jelaslah bahawa mereka ialah bangsa yang harmoni, bangsa yang tidak suka bergaduh, bangsa yang sentiasa bersama dalam membuat sebarang keputusan. Amalan ini selari dengan pendapat yang diujahkan oleh Dentan (1968) yang menyifatkan masyarakat Semai merupakan kelompok masyarakat yang memiliki budaya paling tidak ganas di dunia. Hakikat ini dapat dilihat dalam petikan yang diambil dari novel *Ludaad* seperti di bawah;

Selama tinggal di Kampung *Bareeh Ciig*, belum pernah kami dengar cerita perang antara puak. Itulah antara satu bukti bangsa kami, bangsa baik.

(Mahat a/l China, 2022:15)

Petikan di atas jelas membuktikan bahawa sememangnya masyarakat Semai mengamalkan nilai kolektif dalam kehidupan mereka iaitu hubungan interpersonal yang harmoni dalam kumpulan dan nilai ini menjadi pegangan hidup apabila mereka berkomunikasi antara satu sama lain dalam pentadbiran kepimpinan mereka. Menurut Teori Kecerdasan Pelbagai (Abdullah & Ainon, 2005) kemahiran

interpersonal didefinisikan sebagai keupayaan untuk berinteraksi dengan orang lain dan memahami mereka. Hal ini jelas apabila wujudnya kemahiran komunikasi yang berkesan iaitu interaksi yang tidak mendatangkan masalah dan saling memahami antara satu sama lain dalam kalangan orang Semai itu sendiri. Situasi ini secara tidak langsung memperkasakan lagi komuniti masyarakat Semai supaya mereka lebih bersatu dan hidup dalam keadaan yang harmoni. Misalnya, perkara ini dinyatakan oleh Mahat (2022:26) dalam novelnya, “kami penghuni setia rimba itu kerana di sini memang sedia ada sisa-sisa kedamaian bagi setiap keluarga”.

Tambahan lagi, nilai kolektif masyarakat Semai turut terpancar dalam aktiviti pertanian apabila mereka bersatu padu untuk mengusahakan tanah mereka dengan aktiviti berladang. “Warga kampung *Bareeh Ciig* sudah sepakat untuk berladang. Ladang kami tidak lagi menjadi ladang komunis. Kami bebas berladang di mana-mana sahaja kami suka. Penghulu Busu, Yok Seman, Bah Ee turut serta mahu membuka tanah buat ladang huma (Mahat a/l China, 2022:268). Pernyataan ini membuktikan bahawa nilai kedamaian dan keharmonian dalam melakukan aktiviti pertanian dan pemuliharaan tanah merupakan nilai kolektif yang telah sehati dalam hidup mereka. Tindakan ini memberi kebebasan kepada semua orang untuk melakukan aktiviti tanpa mengira pangkat dan kedudukan malah mereka sepakat antara satu sama lain. Ertinya, pemimpin dalam masyarakat Semai mengamalkan komunikasi yang baik bagi menjamin hubungan yang harmoni antara pemimpin dengan pengikut supaya kelestarian masyarakat Semai dapat diperkasakan lagi melalui aktiviti pertanian.

Jika dilihat dalam konteks kepimpinan keluarga pula, jelas juga bahawa setiap ketua keluarga dalam masyarakat Semai mempunyai sikap kasih sayang kepada ahli keluarganya sendiri. Misalnya, pengarang menggambarkan dalam novel *Ludaad*, masyarakat Semai hidup berkeluarga dalam keadaan harmoni seperti watak Anjang dan isterinya Wah Andak. Mereka hidup dengan penuh kasih sayang, saling puji-memuji dan menerapkan sifat lemah-lembut apabila bertutur yakni berkomunikasi dengan suara yang lembut. Sifat dan nilai kolektif ini jelas memperlihatkan kepimpinan keluarga masyarakat Semai juga mengamalkan budaya yang tidak suka bergaduh apatah lagi apabila mereka sudah bergelar suami isteri. Dengan kata lain, dalam konteks kepimpinan keluarga, penting bagi ketua keluarga untuk memiliki keterampilan komunikasi yang baik dan efektif. Ketua keluarga harus dapat berkemampuan untuk berkomunikasi dengan jelas dan tepat kepada anggota keluarga mereka, serta mampu mendengar dengan teliti dan memahami apa yang ingin dikatakan oleh anggota keluarga mereka.

Selain itu, ketua keluarga dalam masyarakat Semai juga diharapkan untuk menerapkan sifat-sifat lemah lembut dan kasih sayang dalam berkomunikasi dengan anggota keluarga mereka. Hal ini kerana kepimpinan keluarga yang positif dapat melahirkan generasi yang berakhlak manakala kepimpinan keluarga yang negatif atau bermasalah membawa kepada pelbagai implikasi negatif (Nik Muhamad Affendi, N. R. 2013). Ketua keluarga harus berkemampuan untuk mengatasi konflik dan masalah keluarga dengan cara yang damai dan bijaksana, tanpa merugikan kepentingan anggota keluarga lainnya. Dalam hal ini, sifat-sifat kearifan lokal seperti musyawarah dan muafakat juga diharapkan dapat diterapkan dalam komunikasi antara anggota keluarga.

Dalam kepimpinan keluarga, penting bagi ketua keluarga untuk memastikan bahawa semua anggota keluarga memiliki kesempatan untuk berbicara dan memberikan input dalam proses pengambilan keputusan malah mengagihkan sumber yang adil juga merupakan salah satu nilai kolektif mereka. Dengan demikian, ketua keluarga dalam masyarakat Semai harus menjadi teladan dalam hal menjalin hubungan komunikasi yang baik dan harmoni antara anggota keluarga mereka. Mereka harus mampu menunjukkan kebijaksanaan, kelembutan, dan kesabaran dalam berkomunikasi dengan anggota keluarga mereka, serta mampu mempertahankan nilai-nilai kebudayaan dan kearifan lokal yang menjadi ciri khas masyarakat Semai. Nilai kolektif ini dapat diperhatikan melalui petikan di bawah;

Suara Wah Andak sudah tidak asing bagi dia, Suara yang sama. Suara yang manja. Nada yang sama. Maklum sahaja mereka suami isteri yang sah dalam adat orang Semai.

(Mahat a/l China, 2022:34)



Petikan di atas membuktikan bahawa Anjang hidup dalam keadaan bahagia bersama isterinya Wah Andak. Keharmonian hidup berkeluarga dapat dilihat dengan lebih jelas apabila mereka berkomunikasi dengan baik. Hubungan interpersonal harmoni dalam sesebuah kumpulan jelas diperlihatkan dalam masyarakat Semai apabila mereka hidup harmoni dalam berkeluarga dan hal ini turut sama berlaku terhadap pasangan-pasangan suami isteri yang lain termasuklah Penghulu Busu dan isterinya Siti, serta Yok Seman dan isterinya Semah. Hakikatnya, keluarga yang dianggap sihat dan berfungsi adalah keluarga yang mempunyai hubungan yang rapat, saling terhubung antara satu sama lain (Siti Halimah Putung & Raihanah Azahari, 2020:7).

Nilai kolektif lain yang terpapar dalam masyarakat Semai ialah mereka bangsa yang tidak membantah yakni bangsa yang sentiasa bersetuju demi menjaga keharmonian masyarakat. Semasa penjajahan Inggeris, Orang Asli sentiasa akur dengan keputusan yang dilakukan oleh pihak Inggeris. Hal ini menggambarkan bahawa kepimpinan Orang Asli pada ketika itu menuruti arahan pihak pemerintah dan tidak mahu menjadikan Inggeris sebagai musuh mereka walaupun ada sebilangan kecil mereka yang memberontak. Misalnya, semasa zaman darurat pihak Inggeris telah menubuhkan satu pasukan pertahanan bersenjata yang dikenali sebagai *Senoi Praaq* (Mahat a/l China, 2022:19). Pasukan paramilitari ini telah disertai oleh Orang Asli termasuk kaum Semai sendiri bagi menentang keganasan pihak komunis yang menindas Orang Asli. Pasukan ini telah diberikan latihan perang secara gerila serta penggunaan senjata api oleh pasukan tentera Inggeris. Dapat difahami bahawa dengan mematuhi arahan pihak Inggeris, masyarakat Semai telah menonjolkan nilai kolektif dari sudut inisiatif apabila majoriti orang Semai bersama-sama menyertai *Senoi Praaq*. Kesannya, masyarakat Semai telah memperkasakan dan mengukuhkan komuniti yang sebelum ini hampir musnah melalui usaha pihak Inggeris dalam menyusun semula penempatan Orang Asli yang sebelumnya berselerak menjadi lebih teratur.

Proses ini jelas memerlukan usaha yang gigih dan koordinasi yang efektif daripada para pemimpin masyarakat Semai dalam berkomunikasi dengan pihak Inggeris dan mengatur langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperbaiki keadaan penempatan Orang Asli. Dalam hal ini, kepimpinan yang cemerlang dan kemahiran komunikasi yang kukuh menjadi faktor utama dalam menjalankan tugas tersebut. Oleh itu, masyarakat Semai telah membuktikan bahawa kepimpinan yang berkesan dan kemahiran komunikasi yang baik dapat membantu memperkasakan dan mengukuhkan komuniti mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran dan perubahan. Bagi memastikan kelangsungan hidup mereka, adalah penting bagi masyarakat Semai untuk terus mengembangkan kemahiran kepimpinan dan komunikasi yang kukuh, serta mempertahankan nilai-nilai kebudayaan dan kearifan tempatan yang menjadi ciri khas masyarakat mereka. Hal ini jelas dalam petikan berikut:

Inggeris menyusun semula penempatan Orang Asli yang berselerak dan dijadikan lebih berpusat, pembukaan pos penempatan, membina berbagai-bagai kemudahan asas turut disediakan di setiap pos penempatan berpusat seperti perkhidmatan kesihatan, menyediakan kedai runcit untuk menjual barang keperluan harian seperti tembakau, garam, gula, mata beliung dan mata parang.

(Mahat a/l China, 2022:10)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa komuniti masyarakat Semai sewaktu zaman penjajahan Inggeris terbukti dapat meningkatkan taraf hidup mereka ke arah yang lebih baik. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak Inggeris telah menyusun penempatan mereka secara sistematik dan menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti kedai, klinik dan tempat tinggal. Pemimpin Semai pada ketika itu mengambil kesempatan untuk bekerjasama dan berkomunikasi dengan pihak Inggeris dengan harapan dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup mereka. Perkara ini turut digambarkan oleh pengarang dalam novel *Ludaad* apabila Penghulu Busu sentiasa berkomunikasi dan bekerjasama dengan pihak British bagi menentang ancaman komunis di kampung mereka. Misalnya, Penghulu Busu sentiasa berbincang dengan Tuan OPCD mengenai masalah *ludaad* yakni ancaman pihak komunis. Seperti dalam teks menyatakan bahawa;

“Beginilah, Tuk Penghulu. Lain kali ada perkara yang luar biasa terjadi dalam kampung Tuk Penghulu, segera buat *report* di balai,”

(Mahat a/l China, 2022:243)

Kata-kata ini daripada Pegawai Inggeris kepada Penghulu Busu supaya mereka bekerjasama sekiranya ada masalah yang berlaku di Kampung *Bareeh Ciig*. Tuan OPCD tahu kedudukan masyarakat Semai pada ketika itu bahawa mereka hidup dalam keadaan tersepit kerana mereka tidak pandai membela diri. Dengan kata lain, tindakan ini merupakan tanggungjawab bersama yakni nilai kolektif apabila pemimpin mereka sentiasa mengambil inisiatif untuk memajukan bangsa mereka sendiri iaitu bekerjasama dengan pihak Inggeris. Boleh disimpulkan bahawa orang Semai merupakan suku kaum yang ingin hidup selesa dan perkara ini menjadikan mereka tidak tahu menderhaka malah mahu dikenali sebagai puak orang asal yang tinggi budi bahasanya dan inilah yang disebut sebagai nilai kolektif sebenar.

## **KETERLIBATAN KOMUNITI**

Hubungan interpersonal yang harmoni melalui komunikasi yang baik ini dapat diperhatikan dengan lebih jelas lagi sewaktu peristiwa penduduk Kampung *Bareeh Ciig* sedang berbincang untuk menyelesaikan masalah *ludaad*. Misalnya, pengarang menggambarkan watak Penghulu Busu dalam novel sebagai seorang pemimpin yang mempunyai sikap toleransi, berkomunikasi dengan cara yang baik, dan sentiasa meraikan pendapat pengikutnya. Mengikut model pemeriksaan orang Semai amalan ini merupakan penglibatan semua pihak dalam membuat keputusan. Seperti dalam petikan novel, “Naiklah. Penghulu Busu mempelawa Anjang” (Mahat a/l China, 2022:52). Petikan yang ringkas dan padat ini membuktikan bahawa Penghulu Busu mengamalkan budaya kepimpinan yang harmoni apabila menjemput pengikutnya dengan menggunakan kata-kata yang sopan. Dengan kata lain, tindakan ini merupakan tanggungjawab bersama untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau projek yang berlaku di kampung mereka.

Keadaan ini dapat mengelakkan diri Penghulu Busu daripada berlakunya sebarang konflik atau ketidakpuasan hati terhadap pengikut-pengikutnya. Sebagai contoh, sewaktu zaman komunis mengganas di Kampung *Bareeh Ciig*, komunikasi antara pemimpin dan pengikut sangat penting. Komunikasi ini berlaku apabila beberapa orang pengikut telah datang ke rumah Penghulu Busu untuk berbincang bersama tentang masalah *ludaad* yakni komunis. Antara pengikut yang hadir untuk berbincang di rumah Penghulu Busu ialah Anjang, Yok Seman, dan Bah Tandil. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pemaparan masyarakat Semai dalam novel *Ludaad* ini selari dengan hakikat komuniti Orang Asli Semai memiliki sejarah yang panjang dalam tradisi membuat keputusan kolektif dan tanggungjawab bersama (Howell, 1984; Fox, 2011; Nicholas 2000; Endicott & Dentan, 2004).

Nilai-nilai hidup seperti adil kepada semua, penglibatan semua pihak dalam membuat keputusan dan rasa sepunya sememangnya sudah sebatu dalam kehidupan masyarakat Semai lebih-lebih lagi mereka sentiasa membantu antara satu sama lain. Pengarang telah menceritakan bagaimana pemimpin Semai mengambil berat terhadap permasalahan pengikut-pengikutnya. Misalnya, watak Penghulu Busu selaku pemimpin membantu anak buahnya Yok Seman yang berada dalam kesusahan pada ketika itu. Yok Seman merupakan bekas anggota *ludaad* tetapi dia tidak mahu meneruskan gerakan tersebut kerana trauma dengan pihak komunis sehingga menjadi bisu, tidak mahu bercakap dan hanya diam seribu bahasa sahaja. Selaku pemimpin yang prihatin sudah menjadi tanggungjawab Penghulu Busu untuk membantu Yok Seman memulihkan kehidupannya seperti sedia kala. Menurut binaan model pemeriksaan orang Semai, sifat dan nilai yang ditunjukkan oleh Penghulu Busu ini merupakan nilai yang adil kepada semua. Sebagai pemimpin, beliau perlu adil kepada semua pengikut tanpa mengira latar belakang seseorang itu. Peristiwa ini dapat diperhatikan dalam petikan di bawah:

“Eh Seman! Kamu buat apa di sini?” Penghulu Busu bertanya. Yok Seman menangis sambil menutup matanya. Penghulu Busu berjaya memujuk lalu membawa balik Yok Seman ke pangkuan keluarganya. Sudah seminggu Yok Seman tidak mahu bercakap, membisu seribu bahasa.

(Mahat a/l China, 2022:120)

Petikan di atas membuktikan bahawa penglibatan komuniti yang diamalkan oleh Penghulu Busu jelas terpapar apabila dia membantu pengikutnya tanpa mengira pangkat dan kedudukan seseorang. Walaupun Yok Seman pernah terlibat dengan gerakan *ludaad* namun Penghulu Busu tidak pernah berendam dengannya malah membantu membawanya pulang ke rumah selepas tersesat di dalam hutan selama beberapa hari. Sikap yang ditunjukkan oleh Penghulu Busu ini ialah sikap membantu dan memelihara orang lain yang berada dalam kesusahan yakni sikap adil kepada semua orang. Selain itu, sikap adil kepada semua ini turut digambarkan oleh pengarang apabila watak Penghulu Busu mengambil berat tentang keadaan kesihatan anak buahnya. Peristiwa ini dapat diteliti melalui petikan di bawah:

“Macam mana kesihatan Andak?” Penghulu Busu bertanya.  
“Entahlah,” ujar Anjang.

(Mahat a/l China, 2022:181)

Peristiwa ini berlaku disebabkan anak kepada Anjang dan Wah Andak iaitu Bah Long hilang kerana diculik oleh *ludaad*. Hal ini mengakibatkan Wah Andak telah jatuh sakit kerana risau dan rindu akan anaknya yang hilang itu. Situasi ini menggambarkan Penghulu Busu seorang pemimpin yang prihatin apabila mengambil berat dengan bertanyakan khabar mengenai keadaan pengikutnya. Dengan kata lain, pemimpin yang berkesan perlu memahami keadaan dan isi hati seseorang pengikut. Proses pemahaman ini memerlukan satu proses komunikasi yang berkesan antara dua pihak. Menurut Raja Roslan Raja Abdul Rahman et.al, (2010) pemimpin yang berkesan perlu memahami proses komunikasi yang melibatkan perkara-perkara seperti komunikator, berita, saluran, penerima dan maklum balas terhadap seseorang.

Tambahan lagi, Penghulu Busu turut membantu keluarga Anjang bagi merawat Wah Andak dengan memanggil *tuk haalak* iaitu bomoh yang pakar dalam bidang perubatan. Hal ini dikatakan demikian kerana *tuk haalak* merupakan orang yang berkewibawaan mengendalikan upacara yang berkaitan dengan agama dan perubatan seperti *ngenggulang*, membuka ladang baru, memohon kepada keramat, mengubat penyakit dan sebagainya (Mohd Mizan & Shuhairimi, 2004). Laungan dalam upacara itu dianggap sebagai satu amaran agar orang yang tidak berkenaan tidak lagi boleh mendekati kawasan itu kerana lampu sudah dipadam dan upacara perbomohan akan bermula (Saamah M.R. & Abdul A.H., 2014). Menurut kepercayaan orang Semai, penggunaan khidmat *tuk halaak* merupakan penglibatan komuniti dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan amalan ini merupakan identiti kebanggaan masyarakat Semai yakni budaya serta kepercayaan yang diamalkan oleh mereka sejak turun-temurun. Justifikasinya, penglibatan komuniti seperti *tuk haalak* yang diamalkan oleh masyarakat Semai ialah cara seseorang pemimpin melibatkan semua pihak dalam sesuatu urusan dan hal ini dianggap berjaya kerana *haalak* dapat menyembuhkan seseorang yang sakit.

Kesimpulannya, masyarakat Semai dapat memperkasakan komuniti mereka melalui komunikasi yang baik antara pemimpin dan pengikut. Malah mereka mengamalkan sifat harmoni yang dipegang melalui dua nilai dalam kehidupan mereka iaitu nilai kolektif dan penglibatan komuniti. Nilai-nilai ini menunjukkan bahawa masyarakat Semai membuat keputusan secara bersama iaitu kolektif dan saling bertoleransi antara satu sama lain bagi mengelakkan diri mereka terjerumus ke dalam kancang konflik. Oleh itu, amalan berkongsi, memelihara harmoni, dan menghindari keganasan adalah imperatif moral bagi Semai dan hal ini telah meresap ke dalam kehidupan seharian (Robarchek, 1980).

## KESIMPULAN

Secara ringkasnya boleh dikatakan bahawa masyarakat Semai memiliki pemahaman yang mendalam tentang hubungan semua makhluk hidup dan lingkungannya. Model kepemimpinan tradisional mereka mencerminkan pemahaman ini dengan memberikan keutamaan kepada penggunaan tanah yang berkecenderungan kepada pelestariannya dan konservasi sumber daya alam. Keputusan diambil secara inklusif dan melibatkan penglibatan bersama, dengan elemen kolektif dan tanggungjawab bersama daripada setiap anggota masyarakat Semai. Mereka menjaga keseimbangan antara keperluan individu dan kepentingan komuniti secara keseluruhan.

Dalam masyarakat Semai, setiap anggota memiliki peranan dalam pengambilan keputusan, memastikan bahawa keputusan yang diambil mencerminkan kepentingan bersama, bukan hanya keuntungan individu atau kumpulan tertentu. Prinsip tanggungjawab bersama menjadi fokus utama. Hal ini bermakna bahawa setiap anggota masyarakat Semai memiliki peranan dalam pengambilan keputusan, dan keputusan tersebut harus dipertimbangkan dengan memperhatikan kepentingan umum. Dengan demikian, keperluan seluruh masyarakat diambil kira, bukan hanya kepentingan individu atau kumpulan tertentu saja.

Sebagai kesimpulannya, masyarakat Semai memiliki pemahaman yang mendalam tentang hubungan antara semua makhluk hidup dan lingkungannya. Prinsip tanggungjawab bersama menjadi asas dari model kepemimpinan mereka, dengan memastikan penggunaan tanah yang berkekalan, konservasi sumber daya alam, dan pengambilan keputusan secara inklusif. Masyarakat Semai menjaga keseimbangan antara keperluan individu dan kepentingan komuniti secara keseluruhan. Dalam pandangan mereka, setiap anggota memiliki peranan dalam pengambilan keputusan untuk mencerminkan kepentingan bersama dan memastikan kesejahteraan seluruh masyarakat. Prinsip tanggungjawab bersama menjadi asas moral yang penting dan unik dalam kelompok ini untuk memastikan bahawa keputusan yang diambil memperlihatkan kepentingan umum.

## PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian pembiayaan FRGS/1/2022/SSI10/USM/02/9.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2005). *Kemahiran interpersonal untuk guru*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azhar Haji Wahid. (2016). Perang Sangkil: Membina keunggulan patriotisme masyarakat peribumi. In Seri Lanang Jaya Rohani, *Sang Budiman*. (p. 315-322). Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Azman Ismail. (2010). Mencari kekuatan bahasa dan sastera kebangsaan. *Dewan Bahasa*. Oktober, hlm. 15-18.
- Badrul Redzuan Abu Hassan. (2005). Orang Asli talks in Akiya's Tuntut. *Sari* 23: 3-14.
- Che Abdullah Che Ya. (2015). Bayangan wacana politik dalam karya sastera: Analisis Novel Kawin-kawin. *Jurnal Komunikasi Jilid*, 31(2), 461-176.
- Chua, R. Y., Kadirvelu, A., Yasin, S., & Park, M. S. A. (2021). An exploratory Model of Family Resilience Processes and Functioning: A cultural perspective of the Semai Indigenous communities in Perak, Malaysia. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 52(6), 567-582. <https://doi.org/10.1177/00220221211028297>
- Dentan, R. K. (1968). *The Semai: A nonviolent people of Malaya*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Dentan, R. K. (2001). Ambivalences in child training by the Semai of peninsular Malaysia and other peoples. *Crossroads: An Interdisciplinary Journal of Southeast Asian Studies*, 89-129.
- Dentan, R. K. (2008). Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsular Malaysia. In G. Hicks & L. J. Sears (eds.). *Worldmark Encyclopedia of Cultures and Daily Life* (p. 418-423). Gale.
- Diansyah, M. W., Abas, A., & Sakawi, Z. (2022). Exploring the relevance of engaging the Orang Asli in Malaysia's forest management. *Frontiers in Forests and Global Change*, 5, 237. <https://doi.org/10.3389/ffgc.2022.1019994>

- Edo, J., Williams-Hunt, A., & Dentan, R. K. (2009). Surrender, peacekeeping and internal colonialism. A Malaysian instance. *Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*, 165(2-3), 215-240.
- Endicott, K. M., & Dentan, R. K. (2004). *The Semai: A nonviolent people of Malaya*. California: Wadsworth Publishing.
- Fox, J., (2011). *Origins, ancestry and alliance: Explorations in austronesian ethnography*. Canberra: ANU E Press.
- Fui, L. H., Luohui, L., Camacho, L. D., Combalicer, E. A. & Savinder Kaur Kapar Singh. (2012). In Traditional forest-related knowledge: sustaining communities, ecosystems and biocultural diversity. *CHOICE: Current Reviews for Academic Libraries*, 49(10), 1903-1904.
- Gomes, A. G. (1988). The Semai: The making of an ethnic group in Malaysia. *Ethnic diversity and the control of natural resources in Southeast Asia*, 32, 99.
- Gomes, A. (2012). Alter-native 'development': Indigenous forms of social ecology. *Third World Quarterly*, 33(6), 1059-1073. <https://doi.org/10.2307/41507223>
- Howell, S. (1984). *Society and Cosmos: Chewong of Peninsular Malaysia*. Oxford: Oxford University Press.
- Mahat a/l China. (2022). *Ludaad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maniyamin Ibrahim. (2009). *Konteks sastera & budaya Melayu*. Shah Alam: Karisma Publication.
- McKemey, M., Ens, E., Rangers, Y. M., Costello, O., & Reid, N. (2020). Indigenous knowledge and seasonal calendar inform adaptive savanna burning in northern Australia. *Sustainability*, 12(3), 995. <https://doi.org/10.3390/su12030995>
- Miklikowska, M., & Fry, D. P. (2010). Values for peace: Ethnographic lessons from the Semai of Malaysia and the Mardu of Australia. *Beliefs and Values: Understanding the Global Implications of Human Nature*, 2(2), 124-137.
- Mohd Mizan & Shuhairimi. (2004, September). *Pembentukan Nilai-nilai Murni Masyarakat Semai melalui Konsep Pandang Dunia (world view): Satu analisis awal*. Paper presented at Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview, Langkawi.
- Mustapha, R. B. (2013). Attributes that affect self-efficacy and career development of Orang Asli youth in Peninsular Malaysia. *Journal of Southeast Asian Education*, 6(1), 1-24.
- Nicholas, C. (1989). Theories of development and the underdevelopment of the Orang Asli. *Akademika: Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan*, 35, 55-68.
- Nicholas, C. (2000). The Orang Asli and the contest for resources: Indigenous politics, development and identity in Peninsular Malaysia. *IWGIA document*, 95.
- Nik Muhamad Affendi, N. R. (2013). Kepimpinan dalam Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS) *PENDETA*, 4, 96-115.
- Norouzi Kandalan, R., Varanasi, M., Buckles, B., & Namuduri, K. (2020). Impact of leadership and mobility on consensus-building in sensor networks. *Sensors*, 20(4), 1081.
- Putung, S. H., & Azahari, R. (2020). Kepemimpinan suami dalam perspektif Islam: Fungsi dalam memperkukuhkan institusi keluarga: Husband's leadership in Islamic perspective: Role in strengthening the family Institution. *Jurnal Syariah*, 28(2), 127-156.
- Raja Abd. Rahman, Raja Roslan, Yahaya, Azizi & Hassan, Mohd. Salleh. (2010). Peranan komunikasi kepemimpinan diri dan organisasi dalam perspektif Islam. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*, 1-15.
- Robarchek, C. A. (1977). The political organization of the Semai Senoi. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 133(3), 350-365.
- Robarchek, C. A. (1979). *The Political Economy of Semai Senoi Subsistence: A Study of Hill Agriculture and Horticulture*. University Microfilms International: ProQuest.
- Robarchek, C. A. (1980). *The Semai: A Nonviolent People of Malaya*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Robarchek, C. A. (1994). *The Meaning of Friendship Among the Semai Senoi*. Oxford: Oxford University Press.
- Saamah, M. R. bin, & bin Abdul, A. H. (2014). Konsep dan bentuk metrologi dalam peribahasa suku kaum Semai di Lembah Jelai, Pahang. *PENDETA*, 5, 37-56.
- Santosa, E. (2015). Fungsi dan peran sastra dalam kepemimpinan. *Jurnal Ikadbudi*, 4(10).
- Shamsul A. B. (2001). A history of an identity, an identity of a history: The idea and practice of 'Malaynesee' in Malaysia reconsidered. *Journal of Southeast Asian Studies*, 32(3), 355-366.
- Siti Fatimah Sa'at & Jama'yah Zakaria. (2013). Masa depan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Jakun. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(1), 83-88.
- Wang, Jiun-Hao, & Szu-Yung Wang. (2019). Indigenous social policy and social inclusion in Taiwan. *Sustainability*, 11(2), 3458. <https://doi.org/10.3390/su11123458>